



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN		
TARIKH	:	01.11.22	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	TNB		

TNB naik taraf PMU Sedenak

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah membina Pencawang Masuk Utama (PMU) Sedenak dalam usaha memperkasa bekalan tenaga elektrik ke Lembah Teknologi Sedenak, khususnya hab Pusat Data Antarabangsa, Sedenak Tech Park (STeP), Johor.

Menurut TNB, kerja-kerja pembinaan PMU Sedenak dengan kos projek RM68 juta itu siap pada Ogos 2019 bagi menyokong kegiatan pembangunan ekonomi negeri Johor meliputi kawasan Sedenak, Kulai dan Nusajaya.

Selain itu, TNB juga katanya, turut membelanjakan kos tambahan sebanyak RM1.2 juta lagi untuk menjalankan kerja-kerja menaik taraf pemasangan untuk membekalkan bekalan elektrik kepada *Bridge Data Centre (BDC)* pada September 2022.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi menghargai inisiatif TNB dalam memastikan kestabilan bekalan elektrik di kawasan pertumbuhan sekali gus dapat memberi keyakinan tinggi kepada para pelabur untuk menyertai rancangan pembangunan ekonomi negeri.

“Saya berterima kasih kepada TNB kerana sentiasa



ONN Hafiz Ghazi diberi penerangan mengenai operasi PMU Sedenak oleh Dev Anandan ketika melawat PMU berkenaan, baru-baru ini.

menjadi tulang belakang dan menyokong pembangunan pelaburan asing ke negeri Johor,” katanya dalam lawatan teknikal beliau bersama beberapa Exco Kerajaan Negeri Johor ke PMU Sedenak, 20 Oktober lalu.

Beliau diberi penerangan oleh Ketua Pembangunan Grid TNB, Ir. Dev Anandan mengenai kerja-kerja naik taraf pemasangan itu bermula April lalu dan siap lebih awal daripada

jadual asal Mac tahun depan.

Menurut Dev Anandan, PMU Sedenak telah menyalurkan bekalan elektrik kepada para pengguna, komersial dan industri termasuk pelanggan terbaru di hab data, BDC iaitu anak syarikat peneraju pusat maklumat di China, Chindata Group.

Katanya, projek menaik taraf PMU diklasifikasikan sebagai kritikal, berimpak tinggi dan *fast track project* demi memastikan keperluan pelanggan

hab data di SteP dipenuhi, stabil dan berdaya harap.

“Ia dilaksanakan oleh dua kontraktor utama, iaitu GMO Cables Sdn. Bhd. dan Auconpro Engineering Sdn. Bhd. PMU Sedenak berupaya menampung keperluan semasa bekalan elektrik dan TNB merancang memperkukuhkannya dengan projek-projek naik taraf bagi meningkatkan keupayaan membekalkan bekalan elektrik di masa hadapan,” katanya.

